

LANDAK haiwan roden yang berduri pada hampir keseluruhan tubuhnya, tubuh lebih besar dan kuat berbanding dengan tikus atau tupai. Haiwan ini bersenjatakan duri yang keras dan tajam serta gigi kacip yang sangat kuat untuk membantu melindungi diri daripada pemangsanya. Gigi kacip dan gerahamnya yang besar berfungsi untuk memakan tumbuhan keras seperti kulit pokok, buah-buahan yang berkulit keras seperti durian, labu dan ubi kayu serta pernah dilaporkan mengunggis tulang dan sebagainya.

Landak haiwan nokturnal atau aktif pada waktu malam. Namun, di dalam kurungan tabiat atau kelakuan landak banyak bergantung pada faktor makanan, waktu pemberian makanan dan faktor cuaca (jika kurungan tidak bertutup sepenuhnya).

Pemerhatian kelakuan empat ekor landak raya (*Hystrix brachyura*) yang telah dijalankan selama lapan minggu di dalam kurungan di Taman Tumbina, Bintulu, Sarawak, menunjukkan bahawa terdapat sembilan aktiviti utama kelakuan landak yang dilakukan secara individu atau berkumpulan, iaitu perlakuan tidur, makan, membersihkan diri, bergaduh sesama sendiri, membuang air, berehat dan berbaring, aktiviti penyusuan dan aktiviti mengawan.

Tabiat Tidur

Tabiat tidur lebih digemari landak sama ada pada siang mahupun malam berbanding dengan aktiviti perlakuan yang lain, iaitu kira-kira 37.7 peratus pada siang berbanding dengan 34.6 peratus pada malam hari. Biasanya, pada waktu siang, tempoh tidur agak panjang terutama pada waktu tengah hari. Landak akan tidur dengan nyenyak sehingga tidak mudah terjaga.

Pada malam hari, landak akan tidur lama sebelum tengah malam, kemudian berjaga pada waktu tengah malam dan tidur semula dengan nyenyak antara pukul 1.00 – 3.00 pagi. Kelakuan tidur juga dipamerkan apabila landak selesai makan dan kekenyangan.

Landak biasanya tidur dalam posisi seperti berbaring ke sisi kiri atau kanan dan berlunjur dengan menguncupkan duri



Kelakuan Landak Kurungan

Oleh MARINA MOHD. TOP @ MOHD. TAH, WAN ZAI ZELAWANY WAN MUHD. Z dan ROMEO LEONARDO MARCUS

tubuhnya. Kelakuan tidur ini dilakukan secara individu (dengan meletakkan kepala di atas kedua-dua kaki hadapan sama ada dalam keadaan berbaring atau belujur), berpasangan atau berkumpulan (keadaan susunan landak yang selari atau bertentangan arah).

Makan

Pelbagai cara makan dipamerkan oleh landak di dalam kurungan. Landak makan dengan cara memegang makanan dengan kedua-dua belah kaki hadapan sambil menggigit, mengisar dan mengunyah makanan dengan bantuan dua gigi kacip hadapan dan gigi geraham yang besar dan kuat. Semasa makan, kadangkala landak mengeluarkan bunyi dan agak rakus tetapi cekap.

Landak tidak menunjukkan masa yang tertentu untuk makan kerana bergantung pada waktu pemberian makanan. Landak menghabiskan masa makannya selama 16.3 peratus pada siang hari dan 4.7 peratus pada malam hari. Hal ini bergantung pada waktu pemberian makanan pada siang hari oleh pihak Tumbina. Landak akan berebut makanan dan akan menggonggong

makanan yang berjaya direbutnya ke satu kawasan lain dengan menggunakan gigi kacipnya. Ada kalanya landak makan secara berkumpulan.

Landak mengupas kulit buah terlebih dahulu sebelum memakan isi buah seperti buah pisang, dan ubi. Keadaan lapar menyebabkan landak lebih agresif dan berkeliaran di sekeliling kurungan untuk mencari makanan.

Membersihkan Diri

Kelakuan membersihkan diri dipamerkan dengan menoleh kepala ke belakang tubuh sambil lidah menjilat dan mengusap duri dari pangkal ke hujung duri. Bahagian kaki juga dibersihkan dengan cara yang sama. Kelakuan ini dilakukan secara individu atau berpasangan.

Bergaduh

Landak akan menunjukkan perlakuan bergaduh sesama sendiri sewaktu berebut makanan. Landak akan mengembangkan duri di tubuhnya. Keadaan ini akan memperlihatkan tubuh landak semakin membesar. Bunyi berkerincing kedengaran daripada getaran duri di bahagian hujung

ekor landak. Landak akan mengeluarkan bunyi rengus dan sesekali menunjukkan perlakuan menghentak kaki ke lantai beberapa kali. Jika keadaan ini tidak dapat menakutkan pihak lawan, landak akan menyerang lawannya dengan mendekati secara lateral sisi dan mengibas tubuhnya ke sisi, iaitu ke arah pihak lawan atau ancaman.

Membuang Air

Landak didapati membuang air di tempat yang spesifik, iaitu di salah satu sudut di dalam kurungan. Urin atau air kencing juga dibuang di kawasan yang lain. Ketika membuang najis, landak akan membuang najis secara bergilir-gilir dan mengambil masa antara seminit hingga tiga minit. Landak tidak membuang najis pada waktu siang melainkan membuang air kencing sahaja.

Aktiviti Penyusuan

Perlakuan ini terbatas antara induk betina



Landak sedang membersihkan bulunya atau sama lain.

Landak memegang makanan dengan menggunakan kedua anggota kaki hadapan.

dengan anak landak sahaja. Ia melibatkan penghisapan puting tetek induk betina, iaitu landak betina mempunyai tiga pasang puting tetek pada bahagian lateral tubuhnya. Waktu dan tempoh penyusuan anak didapati tidak tetap.

Aktiviti Mengawan

Sewaktu aktiviti mengawan, jika landak betina tidak reseptif terhadap landak jantan, landak betina yang dihipir landak jantan akan melarikan dirinya ke suatu lokasi di dalam kurungan dan mengembangkan duri bagi mengelakkan dirinya didekati landak jantan. Yang betina, biasanya hanya akan memilih dan menerima pasangan yang digemarinya. Jika landak betina dan landak jantan saling menerima, ia akan mula menghidu landak betina pada bahagian leher dan yang betina pula akan membalas hidu tersebut di bahagian lubang hidung.

Landak jantan akan mengekori landak betina yang akan membawanya ke satu lokasi di dalam kurungan. Kemudian landak betina akan duduk diam dan menggetarkan duri ekornya. Landak jantan akan mengusap duri betina dengan lidahnya dan kemudian memanjat landak betina dari bahagian belakang landak betina. Landak betina yang reseptif tidak akan mengembangkan durinya tetapi mengangkat ekornya bagi memudahkan proses mengawan. Perlakuan ini hanya berlaku dalam jangka masa yang singkat, iaitu 7 – 10 saat.

Berehat dan Berbaring

Landak berbaring apabila merebahkan tubuhnya ke lantai sama ada secara sisi atau berlunjur. Berehat adalah lakuan landak apabila landak berhenti berjalan, makan atau berdiri tegak. Biasanya, landak akan berhenti rehat seketika sebelum menyambung aktiviti yang lain. Landak akan berbaring apabila ingin tidur atau ingin berehat. Jika terdapat beberapa ekor landak mula berbaring untuk berehat dan tidur, landak lain juga cenderung melakukan aktiviti yang sama. Landak mudah terjaga terutamanya apabila terdapat landak lain dalam kumpulan yang terjaga dan membuat bisung.

Fakta Konservasi Landak

Dewasa ini agak sukar ditemui landak



Kedudukan landak sewaktu berbaring atau tidur di dalam kumpulan.



Sekumpulan landak makan bersama dan kadangkala mencetuskan pergaduhan dalam perebutan makanan.

di habitat semula jadinya. Landak raya (*Hystrix brachyura*) merupakan haiwan yang dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 serta disenaraikan sebagai haiwan yang berisiko mengalami kepupusan pada masa hadapan pada kadar yang sederhana (IUCN 2000).

Haiwan ini merupakan salah satu haiwan yang akan berhadapan dengan risiko kepupusan pada masa akan datang akibat kehilangan habitat semula jadinya dan aktiviti pemburuan bagi tujuan perubatan, sumber makanan dan perdagangan. Landak turut dibunuh kerana dianggap sebagai haiwan perosak tanaman seperti kelapa sawit.

Kajian pemerhatian kelakuan haiwan amat penting sama ada di dalam kurungan mahupun di habitat semula jadi. Dengan adanya pemahaman kelakuan atau tabiat landak, pihak yang menguruskan secara langsung haiwan ini di dalam kurungan seperti di zoo mahupun di pusat pemuliharaan dapat membiak baka haiwan ini bagi tujuan pemuliharaan pada masa akan datang. **DK**

Marina Mohd. Top @ Mohd. Tah
Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Perhutanan,
Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Universiti
Putra Malaysia, Kampus Bintulu Sarawak.